

**UPM perkenal program Inkubasi Usahawantani untuk tambah graduan usahawan muda**

**SERDANG, 10 April** – Universiti Putra Malaysia (UPM) memperkenalkan Program Inkubasi Usahawantani bagi melahirkan usahawan muda pertanian dalam kalangan graduan selaras dengan hasrat kerajaan untuk menambah bilangan usahawan muda.

Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi berkata program baru itu merupakan kursus khas keusahawanan kepada bakal usahawan pertanian dan ditawarkan kepada graduan UPM atau luar UPM untuk melahirkan usahawantani yang berwibawa bagi melaksanakan projek pertanian.

"Program yang berlangsung selama enam bulan dari 1 Februari lalu hingga 31 Julai depan akan melatih peserta dengan pelbagai teknik perundingan perniagaan, penyediaan laporan dan penyediaan pelan perniagaan selain syarahan pelbagai subjek perniagaan terkini.



"Program ini disertai 38 peserta dan mengandungi tiga modul utama iaitu Modul Tanaman, Modul Akuakultur dan Modul Bioteknologi dengan peruntukan daripada KPT sebanyak RM2.813 juta," katanya pada majlis perasmian di Fakulti Pertanian di sini hari ini.

Seramai 14 peserta mengikuti bidang tanaman fetigasi 'rock melon', 18 peserta dalam bidang akuakultur (ternakan ikan tilapia) dan 6 orang dalam bidang bioteknologi (pengeluaran baja kompos).

Terdahulu, Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin berkesempatan melawat projek-projek graduan seperti tanaman Rock Melon dan projek pengeluaran baja biokompos di Kompleks Biorefineri.



"Saya yakin jika projek ini dilaksanakan dengan cekap, ia akan memberi pulangan yang menguntungkan dan berpotensi dieksport ke luar negara. Peserta yang terpilih sememangnya bertuah kerana mereka bukan sahaja sebagai pelopor program, malah meningkatkan keyakinan orang awam dan kebolehpasaran peserta," katanya semasa merasmikan majlis.

Selain itu, Dato' Ir. Dr. Radin Umar berkata kesemua peserta akan diberi peluang menguruskan projek secara komersial mengikut bidang masing masing, bermula daripada penyediaan kertas projek, pelaksanaan hingga hingga pemantauan dan pemasaran.



Katanya bagi melengkapkan siswazah dengan kemahiran sebagai usahawantani, beberapa ceramah motivasi diaturkan untuk menyemai semangat jati diri peserta.

"Peserta juga akan dilatih untuk meningkatkan kemahiran dalam perundingan dan perkongsian pengalaman dengan pihak swasta selain membuat penilaian kepada beberapa projek pertanian yang diusahakan pihak swasta menerusi lawatan dan perbincangan secara 'hands on', " katanya.



"Pada hari ini, sebanyak 5 syarikat swasta dan Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri telah bekerjasama dengan UPM sebagai rakan strategik yang akan menawarkan perkhidmatan rundingan atau sebagai 'mentor' kepada peserta.

"Kursus ini merupakan satu pakej kursus lengkap yang dapat meyakinkan pihak swasta membuat penilaian terhadap peserta dan meningkatkan kebolehpasaran mereka," katanya.

**Berita disediakan oleh Khairul Anuar Muhamad Noh 03-89467469. Untuk maklumat lanjut hubungi ketua Projek Inkubasi Usahawantani, Tuan Haji Sahbani Saimin 012-2111852 atau En. Mohd Ghazali Mohd Satar 019-3613252.**